



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**27 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

---

**27 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

## Program galak penuntut bermula dilancar

**JOHOR BAHRU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) memperkenalkan Program Usahawan Muda 2023 (PUM2023) kepada golongan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) dalam usaha mendorong mereka menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, PUM2023 juga bertujuan menggalakkan mereka mencebur ke dalam keusahawanan berkaitan dengan pengajian yang diikuti.

"Program ini bertujuan mengupayakan penuntut dan membimbing mereka pada peringkat awal bidang keusahawanan serta memberi segala bantuan ataupun insentif yang diperlukan.

"Sekiranya graduan ini ber-

hasrat menjadi usahawan, maka kita akan memberi pendaftaran percuma kepada usahawan-usahawan muda ini."

"Dalam masa sama, kita menggalakkan penuntut dalam bidang kejuruteraan misalnya, untuk menceburi keusahawanan yang menyediakan perkhidmatan dalam bidang berkaitan. Ini secara tidak langsung bagi memastikan tidak berlaku *miss-match* dalam kepakaran mereka bagi mengelakkan pembaziran tenaga mahir," katanya selepas merasmikan PUM2023 di Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, dekat sini, semalam.

Menurutnya, seramai 600 penuntut bidang teknikal di negeri ini telah mendaftarkan diri untuk menyertai PUM2023.



**SALAHUDDIN AYUB** (tengah) bersama para penuntut sempena Program Usahawan Muda 2023 Peringkat Negeri Johor di Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, semalam.

# SPRM, polis mungkin campur tangan isu ketirisan

**Pasir Gudang:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) tidak menolak kemungkinan meminta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Polis Diraja Malaysia (PDRM) campur tangan ke atas siasatan terhadap isu ketirisan subsidi diesel hampir RM10 bilion yang dipercayai akibat diseleweng, tahun lalu.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata KPDN tidak teragak-agak berbuat demikian sekiranya siasatan pada peringkat kementerian menjurus kepada isu yang lebih serius.

"Biasanya, kementerian akan menggunakan kekuatan (siasatan) dalaman dahulu kerana kita ada audit dalaman dan kita juga boleh buat forensik audit dalaman.

"Sekiranya isu itu serius dan menemui sesuatu pelanggaran undang-undang, kita tidak ke-

beratan dan akan serahkan kes kepada polis atau SPRM.

"Kita akan sentiasa berikan kerjasama bagi memastikan bahawa ketirisan itu dapat kita minimumkan kerana kita tidak mahu dalam pembentangan belanjawan akan datang atau dalam mana-mana laporan, ketirisan subsidi diesel ini masih lagi menjadi isu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Usahawan Muda 2023 (PUM23) Peringkat Negeri Johor, di Politeknik Ibrahim Sultan, di sini semalam.

Mengulas lanjut mengenai isu ketirisan itu, Salahuddin berkata, KPDN juga akan bekerjasama dengan kementerian atau agensi lain yang berkaitan, seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) serta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang berperanan menyalurkan dan



Salahuddin (dua dari kanan) pada Program Usahawan Muda 2023, di Johor Bahru, semalam.

(Foto BERNAMA)

mengawal subsidi diesel kepada nelayan.

"Dalam soal ketirisan subsidi ini, jika kita sudah berusaha pada peringkat KPDN dan perlukan satu penguatkuasaan le-

bih serius, saya tidak keberatan membawa hal ini kepada Kabinet supaya beberapa kementerian lagi dapat dilibatkan untuk kita benar-benar memerangi isu ini.

"Jadi, ketirisan itu harus ada

kolaborasi yang kuat antara kementerian seperti mana ketika saya menjadi Menteri Pertanian dan berdepan isu hasil laut kita dipunggah membabitkan kerugian hampir RM6 bilion.

"Ketika itu, kita mendapatkan kerjasama empat kementerian dan agensi, iaitu kementerian pertanian sendiri bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pertahanan dan Wisma Putra, membolehkan kita menggunakan aset-aset negara dan hasilnya selepas enam bulan, tiada lagi kapal asing yang mengganggu perairan kita," katanya.

Ditanya mengenai perkembangan siasatan isu berkenaan setakat ini, Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Pulai berkata, pasukan bertindak khas yang diwujudkan kini sudah mempertingkatkan lagi kawalan serta tindakan penguatkuasaan mereka.

# KPDN sedia kerjasama SPRM, polis

Serahkan isu ketirisan subsidi diesel kepada agensi terbabit

## PASIR GUDANG

JAMIA RACHA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersedia bekerjasama dengan Sunuhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menjalankan siasatan sewajarnya berhubung isu ketirisan subsidi diesel hampir RM10 bilion.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, tindakan itu perlu dibuat sekiranya siasatan dalaman dijalankan pihaknya mendapat terdapat kesalahan yang bertentangan dengan undang-undang telah berlaku sebelum ini.

"Biasanya, kementerian akan melakukan siasatan dalaman terlebih dahulu kerana kita ada unit yang membuat audit dan siasatan. Namun, sekiranya isu itu serius dan kita temui



Salahuddin (dua dari kanan) menyerahkan replika mesin dialisis sumbangan wakalah zakat korporat Suruhanjaya Syarikat Malaysia kepada Waqaf An-Nur diwakili Ketua Eksekutif Waqaf An-Nur Bukhari Abd Rahman pada Perasmian PUM23 di Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang pada Ahad.

pelanggaran undang-undang, kita tidak keberatan menyerahkan kes kepada SPRM atau polis.

"Kita akan beri kerjasama bagi memastikan ketirisan dapat diminimumkan, kerana kita tidak mahu dalam pembentangan bajet akan datang atau dalam mana-mana laporan, ketirisan subsidi diesel ini masih lagi menjadi isu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Usahawan Muda 2023

(PUM23) di Politeknik Ibrahim Sultan di sini, pada Ahad.

Beliau berkata KPDN akan bekerjasama dengan agensi dan kementerian lain termasuk Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang berperanan menyulur dan mengawal subsidi diesel kepada nelayan.

Pada Sabtu, Salahuddin dilaporkan berkata, KPDN telah menubuhkan pasukan bertindak

khas yang diketuai Ketua Setiausaha Datuk Azman Mohd Yusof bagi menangani isu ketirisan subsidi diesel itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Jumaat lepas, ketika membentangkan Belanjawan 2023 memaklumkan wujud ketirisan dalam subsidi diesel dengan anggaran hampir RM10 bilion nilai subsidi diesel dipercayai diseleweng tahun lepas.

Mengulas inisiatif Rahmah,

Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Pulai memaklumkan, pelaksanaan program yang dijayakan KPDN itu tidak melibatkan sebarang dana awam, sebaliknya atas sokongan rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat yang mahu menangani kos sara hidup secara kolektif.

Katanya, KPDN akan terus mengkaji pelbagai mekanisme yang boleh dilakukan dalam menangani kos sara hidup untuk jangka masa panjang termasuk dengan menjalin kerjasama bersama agensi dan kementerian lain.

"Sejurusnya saya masih belum berpuas hati dengan kerja yang dilakukan, jadi saya akan terus mempertingkat usaha agar inisiatif Rahmah ini boleh berkekalan, barangang terkawal serta meningkatkan pendapatan rakyat," katanya.

Sementara itu, Salahuddin berkata PUM23 yang disertai 600 pelajar bidang teknikal itu bertujuan menggalakkan pelajar mencebur ke dalam keusahawanan yang berkaitan dengan pendidikan mereka bagi mengelakkan berlakunya kehilangan tenaga mahir bidang teknikal apabila mereka menjadikan keusahawanan sebagai karier pilihan. - Bernama

# Respons menteri 100 hari Kerajaan Perpaduan **KENA KERJA LEBIH KUAT**



**“**  
Di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pasukan kabinet akan terus berusaha untuk memperjuangkan kesejahteraan rakyat.”

ANTHONY LOKE

**“**  
Sekarang bukan masa Kerajaan Perpaduan untuk ‘berbulan madu’ atau bermimpi indah selepas memegang tumpuk pemerintahan.”

SALAHUDDIN AYUB

**“**  
Bukan cari populariti, tugas saya sebagai menteri ialah memperbaiki keadaan struktur ekonomi negara.”

RAFIZI RAMLI

# 'Tempoh bulan madu sudah berakhir'

100 hari kepimpinan Anwar dapat keyakinan rakyat, kata Salahuddin

## PASIR GUDANG

**M**enteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub menegaskan sekarang bukan lagi masa untuk Kerajaan Perpaduan berbulan madu atau bermimpi indah selepas memegang tumpuk permenitan.

"Ini termasuk beranggangan membinakekayaan dan kekuatan keluarga atau peribadi. Kerajaan Madani dan rakyat mesti bersama-sama membina negara," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Program Usahawan Muda 2023 Peringkat Negeri Johor di Politeknik Ibrahim Sultan di sini pada Ahad.

Ucapan Salahuddin ketika usia Kerajaan Perpaduan ham-

pir mencecah 100 hari itu mendapat tepukan gemuruh hadirin.

Sementara itu ketika sidang akhbar selepas majlis berkenaan, Salahuddin berkata, Datuk Seri Anwar Ibrahim kini sudah melepas penarafan rakyat sebagai Perdana Menteri.

Menurut Ahli Parlimen Pulai itu, perkembangan tersebut jelas menunjukkan keyakinan rakyat terhadap kepimpinan Anwar dalam menerajui Kerajaan Perpaduan dan negara.

"Kajian yang dibuat oleh beberapa media serta agensi lain (berkenaan 100 hari prestasi Kerajaan Perpaduan), saya tidak teliti lagi data itu, tetapi yang penting bagi saya penarafan Anwar sebagai Perdana Menteri telah melepas keyakinan rakyat," katanya.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna) KPDN, Datin Roszanina Wahab; Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz; Timbalan Ketua Pengarah Governan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kamaludin Daud; Pengarah Politeknik Ibrahim Sultan Johor Bahru, Noor Aidi Nadzri serta Ketua



Salahuddin (tiga dari kanan) menunjukkan Menu Rahmah yang dijual pada harga RM5 sahaja di kantin Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang selepas merasmikan Program Usahawan Muda 2023 Peringkat Negeri Johor pada Ahad.

Eksekutif Waqaf An-Nur, Bukhairi Abd Rahman.

Sebelum ini, Sinar Ahad melaporkan Kaji Selidik 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Perpaduan mendapat rakyat negara ini memberi restu kepada pelantikan Anwar sebagai Perdana Menteri selepas Pilihan Raya Umum ke-15.

Kaji selidik oleh lima media arus perdana termasuk Sinar Harian dengan kerjasama firma penyelidikan, O2 Research melibatkan 35,077 responden pel-

bagai kaum itu mendapat sentimen rakyat terhadap situasi ekonomi negara agak seimbang dan hala tuju Malaysia berada di landasan yang betul.

Namun begitu, skor Kad Laporan 100 Hari Kerajaan Perpaduan itu mendapat sentimen yang sangat rendah daripada kalangan Melayu Semenanjung.

Bagaimanapun, ia berbeza dari kalangan bukan Melayu dan kaum Bumiputera Sabah serta Sarawak yang lebih positif.



LAPORAN  
MUKA  
DEPAN

# Syor guna teknologi lebih canggih tangani ketirisan

**Pontian:** Kementerian Kewangan menyarankan penggunaan teknologi lebih canggih bagi menangani ketirisan subsidi, hingga mengakibatkan kerugian hasil duti eksais dan cukai jualan berbelas bilion, tahun lalu.

Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata penggunaan teknologi terkini lebih berkesan bagi mengekang ketirisan subsidi, berbanding penambahan jumlah penguatan kuasa.

Katanya, kementerian itu juga akan memastikan siasatan berkaitan ketirisan diesel dilaksanakan secepat mungkin, bagi memastikan isu itu dikekang sepenuhnya.

"Ketirisan subsidi diesel yang mengakibatkan negara kerugian RM10 bilion tahun lalu, adalah perbuatan keji.

"Bukan setakat ketirisan subsidi diesel, malah ketirisan hasil duti eksais dan cukai jualan, berikutan penyeludupan rokok haram dianggarkan berjumlah + RM5 bilion tahun lalu. Jadi, tahun lalu sahaja kerugian akibat ketirisan dianggarkan RM15 bilion.

"Beberapa kementerian lain turut terbabit dalam isu ketirisan diesel dengan Kementerian Kewangan sememangnya akan terbabit dalam jawatankuasa, bagi memastikan ketirisan dapat dikurangkan sebanyak mungkin.

"Kita sebenarnya perlu kepada teknologi canggih. Tidak semestinya kita tambah anggota penguatan kuasa untuk elak ketirisan. Teknologi canggih dan terkini akan dapat atasi ketirisan dengan lebih berkesan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau Hospital Pontian, di sini, semalam.

Kelman, Ketua Setiausaha Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Azman Mohd Yusof, diarahkan mengetuai pasukan bertindak khas bagi menangani isu ketirisan subsidi diesel hampir RM10 bilion yang diseleweng, tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2023 Jumaat lalu memaklumkan wujud ketirisan dalam subsidi diesel dengan anggaran hampir RM10 bilion nilai subsidi diesel, diseleweng tahun lalu.

Dalam pada itu, Ahmad yang juga Ahli Parlimen Pontian, menyifatkan isu ketirisan diesel yang menyebabkan negara kerugian RM10 bilion tahun lalu, sebagai tidak boleh dimaafkan.

ITEM	UNIT	TOTAL
BRINJAL	kg	RM 12.00
BEANS	kg	RM 32.00
BRINJAL	kg	RM 12.00
RED CHILLI	kg	RM 20.50
GREEN CHILLIES	kg	RM 19.50
CAULIFLOWER	kg	RM 20.00
BRASSICA	kg	RM 16.50
CABBAGE	kg	RM 9.00
PUDHINA	kg	RM 15.50
CORIANDER LEAVES	kg	RM 5.50
PUMPKIN (WHITE)	kg	RM 12.00
BITTER GOURD	kg	RM 5.50
SNAKE GOURD	kg	RM 9.00
CUCUMBER	kg	RM 7.50
GARLIC	kg	RM 6.50
LEMON	kg	RM 6.00
Bendi	kg	RM 16.00
Buncis	kg	RM 10.00
Brocoli	kg	RM 15.00
B.Kabis	kg	RM 12.00
Baby Timun	kg	RM 5.00
Carrot	kg	RM 3.00 (A)
Cili Padi	kg	RM 15.00
Cili Merah	kg	RM 20.00
Cili Kijar	kg	RM 15.00
Dauz Sup	kg	RM 5.50
Dauz Batang	kg	RM 5.00
Halo-Talo	kg	RM 15.00
Halo-Muda	kg	RM 15.00
Jagung (2kg)	kg	RM 15.00
Kobis (1kg)	kg	RM 7.00
Kobis (2kg)	kg	RM 13.00
Kobis Ponggang	kg	RM 15.00
Kacang Ponggang	kg	RM 15.00
Kulen (1kg)	kg	RM 15.00
Kulen (2kg)	kg	RM 30.00
Kuching	kg	RM 15.00
Lobak Putih	kg	RM 12.00
Lobak Hitam	kg	RM 10.00
Kelapa Manis	kg	RM 15.00
Lima Kecil	kg	RM 10.00
Lima Besar	kg	RM 10.00
Lalat	kg	RM 10.00
Feria (8)	kg	RM 10.00
Peria (K)	kg	RM 10.00
Potato	kg	RM 8.00
Rujak	kg	RM 10.00
Kelapa Sari	kg	RM 10.00
Turmeric	kg	RM 10.00
Turmeric Paste	kg	RM 10.00
Turmeric Powder	kg	RM 10.00
Turmeric Ponggang	kg	RM 10.00
Seri	kg	RM 7.00
Salai	kg	RM 10.00
Tomato	kg	RM 10.00
VALAKKAI	kg	RM 14.00
BENDI	kg	RM 10.00
YOUNG CORN	kg	RM 10.00
AVARAIKAI	kg	RM 10.00
PRYIA	kg	RM 10.00
SORAKAI	kg	RM 10.00
CHAU CHAU	kg	RM 10.00
WHITE CARROT	kg	RM 10.00
BEETROOT	kg	RM 10.00
COCONUT	kg	RM 10.00
O.PANDAN	kg	RM 10.00
O.SUP	kg	RM 10.00
KANGKUNG	kg	RM 10.00
SENGKUANG	kg	RM 10.00
BETOLA	kg	RM 10.00
SAWANG	kg	RM 10.00
AWANG PUTIH	kg	RM 10.00

003 302 416 416 416 416. Received above items in good order and condition.

25/2/2023

The prices of vegetables displayed at markets around Penang. PIX COURTESY OF CONSUMERS' ASSOCIATION OF PENANG

## DOUBLE FROM LAST MONTH

# CAP: Prices of greens out of control

**KUALA LUMPUR:** Prices of vegetables have gone up so much that consumers have stopped purchasing them, and restaurateurs are removing certain dishes from their menus, said the Consumers Association of Penang (CAP).

CAP education officer N.V. Subarow said the association had received reports of exorbitant prices for common vegetables, such as kailan, chillies, lady's fingers and coriander.

"The price (per kg) of coriander is RM32, long beans are RM20.50, red chilli is RM20, mint is RM11, Chinese celery is RM25 and brinjal is RM20.50.

"Are consumers able to buy these? People ask this when they meet CAP officials at the market,"

he told the *New Straits Times* yesterday.

He said many types of vegetables were now too expensive, and it had impacted owners of eateries who preferred to do away with some popular vegetable dishes.

"Some restaurant owners told the CAP that they were not going to cook brinjal curry because brinjals are being sold at RM20.50 per kg," he said.

Earlier this month, CAP reported that the prices of several vegetables had skyrocketed by more than 160 per cent from the previous month.

It said the price of lady's fingers had gone up by 166 per cent from RM6 per kg last month to RM16 per kg this month.

Similarly, long beans had doubled from RM6 per kg to RM12 per kg, tomatoes from RM4.50 per kg to RM10 per kg (a 120 per cent increase), and round brinjal from RM7 per kg to RM12 per kg (a 71 per cent increase).

CAP had said retailers and wholesalers had previously warned that prices of vegetables might go up in coming weeks.

On Feb 5, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub gave an assurance that the recent price hike in vegetables was temporary and it was caused by the flood season.

Farmers had also said that the bad weather and lack of sunlight since November has affected their harvest.

# ‘MOF perlu semak fakta subsidi diesel dengan betul’

Ismail Sabri persoal jika benar berlaku ketirisan

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kewangan (MOF) perlu ‘memeriksa’ dengan betul dakwaan ketirisan subsidi diesel berjumlah hampir RM10 bilion sepanjang 2022 seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam Belanjawan 2023 pada Jumaat lalu.

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ini kerana jika benar ketirisan berlaku dalam jumlah terbabit, ia bermakna wujudnya penyelewengan besar terhadap subsidi berkenaan.

“Kalau tidak silap saya, subsidi (bahan bakar) minyak RON 95 dan diesel semua sekali kira-kira RM30 bilion (tahun lalu). Daripada jumlah itu, mungkin RM10 hingga RM12 billion adalah subsidi diesel.

“Kalau RM10 bilion subsidi



Keratan akbar BH, semalam.

diesel diselewengkan (seperti diumumkan Perdana Menteri dalam Belanjawan 2023), apa yang tinggal? Elok periksa betul-betul,” katanya kepada *BH*, semalam.

#### RM830 juta sebulan

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bera berkata demikian ketika mengulas kenyataan Anwar yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Belanjawan 2023 mendedahkan wujudnya ketirisan dalam pelaksanaan subsidi diesel dengan anggaran hampir RM10 bilion diselewengkan pada tahun lalu.

Kenyataan Perdana Menteri dalam belanjawan itu memberi gambaran seolah-olah sepanjang tempoh pentadbiran Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri pada 2022, ketirisan subsidi diesel itu berlaku kira-kira RM830

juta sebulan.

Sementara itu, semakan *BH* dalam portal rasmi MOF menemui siaran media bertarikh 25 Jun 2022 yang dibuat oleh Menteri Kewangan ketika itu, Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz.

Berdasarkan kenyataan media itu, Zafrul dilaporkan berkata, unjuran perbelanjaan subsidi kepenggunaan bagi 2022 setakat tarikh itu berjumlah RM77.3 bilion adalah jumlah subsidi tertinggi di dalam sejarah pernah ditanggung oleh mana-mana kerajaan.

Subsidi kepenggunaan itu meliputi petrol, diesel, LPG, minyak masak, tepung dan elektrik bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat dan bil subsidi (tidak termasuk bantuan kebajikan).

Berdasarkan unjuran subsidi untuk 2022, jika harga bersubsidi serta harga pasaran minyak, arang batu dan komoditi lain kekal pada paras semasa (pada Jun 2022), jumlah subsidi bahan bakar merangkumi petrol, diesel dan LPG berdasarkan keperluan 2022 ialah RM37.3 bilion.

Jumlah subsidi bahan bakar itu adalah paling tinggi berbanding pada 2021, iaitu sebanyak RM13.2 bilion, RM1.6 bilion (2020), RM6.1 bilion (2019) dan RM7.4 bilion (2018).



KPDN Kedah rampas dua tangki dan beberapa peralatan pemindahan diesel.  
(Foto ihsan KPDN)

## 2 warga Myanmar disyaki seleleweng diesel ditahan

**Alor Setar:** Dua warga Myanmar ditahan dalam serbuan di Kampung Bukit Lada, Pokok Sena selepas disyaki terbabit menyeleweng 8,000 liter diesel bernilai RM124,200.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, Affendi Rajini Kanth, berkata operasi dilakukan Unit Risikan/Operasi Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman sebelum diserahkan kepada pihaknya jam 11 malam, Jumaat lalu.

Beliau berkata, turut dirampas dua tangki dan beberapa peralatan pemindahan diesel yang disyaki digunakan untuk kegiatan itu.

"Kedua-dua individu berusia 30-an dan 40-an itu ditahan untuk tindakan lanjut."

"Soal siasat terhadap mereka mendapat, premis itu tidak mempunyai kebenaran dari-

pada pengawal bekalan untuk berurusan dengan barang kawalan berkenaan.

"Perintah reman diperoleh dari Mahkamah Alor Setar dan kedua-dua suspek direman empat hari bermula 25 Februari," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Affendi berkata, rampasan dianggar bernilai RM124,200, manakala siasatan dilakukan mengikut Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi kesalahan kedua, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Bagi pertubuhan perbadanan, boleh didenda tidak melebihi RM2 juta dan bagi kesalahan kedua didenda tidak melebihi RM5 juta.



DUA 'skid tank' yang dipercayai digunakan untuk tujuan penyeludupan diesel di Pokok Sena.

## Warga asing dicekup seleweng diesel

**ALOR SETAR** – Dua warga Myanmar ditahan bersama 8,000 liter diesel selepas sebuah gudang yang disyaki menjalankan kegiatan penyelewengan barang kawalan itu di Pokok Sena, dekat sini diserbu pada Jumaat lalu.

Serbuan dilakukan oleh Unit Risikan dan Operasi Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) Polis Diraja Malaysia Bukit Aman pada pukul 11 malam.

Kes diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN).

Pengarah KPDN Kedah, Afendi Rajini Kanth memberitahu, FRU menyita 8,000 liter diesel, dua 'skid tank' dan beberapa peralatan yang digunakan untuk tujuan pemindahan minyak diesel.

Menurut beliau, barang yang dirampas itu dipercayai digunakan untuk penyelewengan diesel yang merupakan barang kawalan berjadual, dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan RM124,200.

"Dalam operasi itu, dua suspek warga Myanmar berusia lingkungan 30-an dan 40-an telah

ditahan.

"Hasil soal siasat ke atas dua suspek terbabit mendapat premis tersebut tidak mempunyai sebarang kebenaran daripada Pengawal Bekalan untuk berurusan dengan barang kawalan tersebut," katanya di sini semalam.

Tambahnya, kedua-dua suspek direman selama empat hari bermula 25 Februari hingga 28 Februari ini.

"Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961," ujarnya.



---

---

## **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**27 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 27 FEBRUARI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
27-Feb	KPDN sedia kerjasama dengan SPRM jalankan siasatan isu ketirisan subsidi diesel	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2168013">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2168013</a>	BERNAMA
27-Feb	KPDN ready to call MACC to investigate misappropriation of diesel subsidy	<a href="https://www.bernama.com/en/business/news_budget.php?id=2168050">https://www.bernama.com/en/business/news_budget.php?id=2168050</a>	BERNAMA
27-Feb	Ministry ready to call in MACC to probe misappropriation of RM10bil in diesel subsidy	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/26/ministry-ready-to-call-in-macc-to-probe-misappropriation-of-rm10bil-in-diesel-subsidy">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/26/ministry-ready-to-call-in-macc-to-probe-misappropriation-of-rm10bil-in-diesel-subsidy</a>	THESTAR
27-Feb	Ketirisan RM10 bilion subsidi diesel: KPDN sedia kerjasama siasatan SPRM, PDRM	<a href="https://m.malaysiakini.com/news/656540">https://m.malaysiakini.com/news/656540</a>	MALAYSIAKINI
27-Feb	Salahuddin: Domestic Trade and Cost of Living Ministry ready to call in MACC to investigate misappropriation of diesel subsidy	<a href="https://www.theedgemarkets.com/node/656846">https://www.theedgemarkets.com/node/656846</a>	THEEDGE MAKETS
27-Feb	Siasatan subsidi diesel, KPDN sedia kerjasama dengan SPRM, polis	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/26/siasatan-subsidi-diesel-kpdn-sedia-kerjasama-dengan-sprm-polis/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/26/siasatan-subsidi-diesel-kpdn-sedia-kerjasama-dengan-sprm-polis/</a>	FMT
27-Feb	Subsidi Diesel   KPDN kerjasama dengan PDRM, SPRM tangani isu	<a href="https://youtu.be/TVaX72s-4VA">https://youtu.be/TVaX72s-4VA</a>	ASTRO AWANI